

19 AUG 1997

Abdullah-Komanwel

CADANGAN WUJUD PEJABAT KOMANWEL UNTUK ANGGOTA KECIL DI NEW YORK

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Malaysia akan menimbang untuk memberikan sumbangan kewangan bagi mewujudkan sebuah pejabat di New York untuk kegunaan negara-negara anggota Komanwel yang kecil.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata beliau difahamkan sebanyak AS\$600,000 (RM1.6 juta) diperlukan untuk mewujudkan pejabat itu.

"Kita akan menimbang jumlah wang yang akan diberikan untuk tujuan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku di Wisma Putra di sini.

Abdullah berkata banyak anggota Komanwel yang kurang berkemampuan untuk menubuhkan pejabat di New York kerana kos yang tinggi.

Katanya, mana-mana anggota Komanwel yang mampu patut menghulurkan sumbangan kerana negara kecil yang kurang mampu juga menjadi sebahagian daripada keluarga Komanwel.

Sementara itu, Anyaoku berkata beliau berpuas hati dengan hasil lawatan lima harinya ke Malaysia sebagai persediaan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Edinburgh, Scotland Oktober ini.

Beliau yakin Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberikan sumbangan bermakna bagi menjayakan mesyuarat itu. -- BERNAMA

MAM FAZ